

## **PERKHIDMATAN RAWATAN PESAKIT LUAR DAN KEMUDAHAN KLINIK KEPADA PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)**

---

### **1. Rawatan Pesakit Luar**

Semua pelajar KUIM adalah layak untuk mendapatkan kemudahan rawatan pesakit luar di Klinik Pelajar KUIM dan Klinik Panel Pelajar yang dilantik mengikut syarat yang telah ditetapkan.

### **2. Rawatan Kes Kecemasan**

Kemudahan rawatan kecemasan akan diuruskan oleh Penolong Pegawai Perubatan KUIM dan Felo untuk dibawa ke hospital berdekatan.

### **3. Kemudahan Pengangkutan**

#### **a. Kenderaan Kecemasan**

KUIM menyediakan kemudahan pengangkutan untuk semua kes kecemasan.

#### **b. Perbelanjaan Pengangkutan**

Perbelanjaan pengangkutan menggunakan kenderaan yang disediakan oleh KUIM ini ditanggung oleh KUIM. Pihak KUIM tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan pengangkutan dengan kenderaan lain.

### **4. Sijil Cuti Sakit**

Sijil Cuti Sakit boleh didapati di Klinik Panel Pelajar dan Klinik Kesihatan KUIM untuk pelajar yang layak sahaja.

### **5. Rawatan Yang Tidak Ditanggung**

- a. Rawatan ubat-ubatan dan peralatan untuk pencegahan kehamilan, kemandulan dan kesuburan bagi yang telah berkahwin.
- b. Rawatan pergigian termasuk alat-alatan gantian anggota seperti gigi palsu, implant gigi untuk tujuan kosmetik.
- c. Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan kosmetik dan ritual.
- d. Rawatan pemeriksaan berkaitan dengan mengandung dan bersalin samada dalam keadaan normal ataupun tidak normal bagi yang telah berkahwin.

- e. Rawatan imunisasi samada untuk tujuan pelalian biasa ataupun untuk keadaan wajib seperti imunisasi sebelum pergi keluar Negara, Imunisasi semasa wabak dan sebagainya.
- f. Perbelajaan rawatan perubatan alternative.
- g. Perbelanjaan rawatan di Hospita Swasta.
- h. Perbelanjaan rawatan di luar Negara.
- i. Ubatan-ubatan yang dibeli dari Farmasi.
- j. Rawatan Otodontik di Klinik Panel Pelajar/Hospital Kerajaan.

**6. Rawatan Di Luar Negara**

Rawatan Pesakit Luar bagi pelajar di luar negara tidak akan ditanggung.

**7. Waktu Perkhidmatan Klinik Kesihatan KUIM dan Klinik Panel Pelajar**

Klinik	Waktu Perkhidmatan	
	Hari	Masa
Klinik Kesihatan KUIM	Isnin - Jumaat	8 pagi – 5 ptg
1 Panel Klinik dilantik	Isnin - Jumaat	6 ptg – 7 pagi
	Sabtu - Ahad	24 jam

